

**JOURNAL OF INFORMATION
SYSTEM AND TECHNOLOGY
MANAGEMENT (JISTM)**www.jistm.com**HUBUNGAN ANTARA PESAKIT AIDS DENGAN PENAGIH
DADAH MENGIKUT JANTINA DAN NEGERI DARI TAHUN
2016 HINGGA TAHUN 2021*****RELATIONSHIP BETWEEN AIDS PATIENT AND DRUG ADDICT BY GENDER
AND STATE FROM YEAR 2016 UNTIL 2021***

Ely Salwana^{1*}, Norshita Mat Nayan², Nur Amirah Sabrina³, Nurin Nadhrah⁴, Nur Najwa Muhammad Nazim⁵

¹ Institut Informatik Visual, Universiti Kebangsaan Malaysia
Email: elysalwana@ukm.edu.my

² Institut Informatik Visual, Universiti Kebangsaan Malaysia
Email: norshitaivi@ukm.edu.my

³ Department of Mathematics, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
Email: a181828@siswa.ukm.edu.my

⁴ Department of Physic, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
Email: a182123@siswa.ukm.edu.my

⁵ Institut Informatik Visual, Universiti Kebangsaan Malaysia
Email: P112560@siswa.ukm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:**Article history:**

Received date: 08.07.2024

Revised date: 30.07.2024

Accepted date: 22.08.2024

Published date: 19.09.2024

To cite this document:

Salwana, E., Nayan, N. M., Sabrina, N. A., Nadrah, N., & Nazim, N. N. M. (2024). Hubungan Antara Pesakit Aids Dengan Penagih Dadah Mengikut Jantina Dan Negeri Dari Tahun 2016 Hingga Tahun 2021. *Journal of Information System and*

Abstrak:

Kajian ini dijalankan untuk mendapatkan hubungan di antara pesakit AIDS dengan penagih dadah di Malaysia. Laporan ini memaparkan data-data yang diperoleh dari pelbagai sumber seperti dari data portal, Jabatan Perangkaan Malaysia, Agensi Anti-Dadah Kebangsaan (AADK) dan lain-lain. Data yang diperoleh adalah data pesakit AIDS dan data penagih dadah mengikut jantina dan negeri dari tahun 2016 sehingga 2021. Melalui kajian ini, trend antara pesakit AIDS dan penagih dadah dapat dianalisis dan korelasi antara dua data ini juga dapat dikaji. Tambahan lagi, purata bagi kedua-dua hubungan pada setiap tahun juga dianalisis bagi memperoleh pola peningkatan ataupun penurunan berdasarkan tahun sebelumnya. Hasil dapatan dari kajian yang dijalankan dipaparkan melalui paparan secara visualisasi seperti graf. Hasil analisis mendapati bahawa bahawa bilangan pesakit AIDS lebih banyak dipengaruhi oleh gejala seks tidak selamat berbanding suntikan jarum (penagih dadah).

Technology Management, 9 (36), 15-33.

DOI: 10.35631/JISTM.936002

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Kata Kunci:

AIDS, Dadah, Jantina, Negeri

Abstract:

This study was conducted to find the relationship between AIDS patients and drug addicts in Malaysia. This report displays data obtained from various sources such as the data portal, Department of Statistics Malaysia, the National Anti-Drug Agency (NADA) and the others. The Data obtained were AIDS patient data and drug addict data by gender and state from 2016 to 2021. Through this study, trends between AIDS patients and drug addicts can be analyzed and the correlation between these two data can also be studied. In addition, the average for both relationships in each year is also analyzed to obtain patterns of increase or decrease based on the previous year. The results of the study are visualized as a graph. The results of the analysis found that the number of AIDS patients is more affected by the symptoms of unsafe sex than needle injection (drug addicts).

Keywords:

AIDS, Drug, Gender, State

Pengenalan

Human Immunodeficiency Virus (HIV) merupakan virus yang menyerang sistem imunisasi badan. Jika HIV ini tidak dirawat, ia boleh membawa kepada penyakit *Acquired Immunodeficiency Syndrome* (AIDS). Berdasarkan kajian pada tanggal 22 Mei 2022 di Astro Awani, Dr Anita sebagai Ketua Sektor AIDS menyatakan bahawa sebanyak 90 peratus penghidap AIDS di negara kita ini adalah terdiri daripada golongan lelaki. Selain itu, berdasarkan artikel di laman sesawang Kosmo yang ditulis oleh Zulkifli Manzor pada 2 Mac 2023 menyatakan bahawa jumlah penduduk Malaysia yang terpaksa hidup dengan jangkitan HIV sehingga tahun lalu dilaporkan seramai 69,589 termasuk 3,177 kes baharu yang direkodkan pada tahun 2022. Timbalan Menteri Kesihatan (KKM), Lukanisman Awang Sauni berkata, angka berkenaan menunjukkan HIV merupakan suatu permasalahan yang besar kepada negara pada masa akan datang.

Berdasarkan artikel di laman sesawang Berita Sinar Harian yang ditulis oleh Tuan Buqhairah pada 10 Julai 2023 menyatakan bahawa tahap penagihan dadah di negara ini membimbangkan apabila anggaran terkini menunjukkan 1,097,408 rakyat negara ini terjerumus ke dalam najis dadah. Selain itu juga, menurut artikel di laman sesawang Buletin TV3 yang ditulis oleh Wan Zairul Azri pada 11 Julai 2023 menyatakan bahawa angka penagih dadah 3 bulan pertama 2023 hampir sama dengan jumlah tahun lalu iaitu sebanyak 103,760 orang. Sepanjang tempoh enam tahun data berkenaan, majoriti kes atau kira-kira 95 peratus kes membabitkan penagih lelaki.

Disimpulkan bahawa bilangan pesakit AIDS dengan penagih dadah meningkat menjelang tahun 2023. Jadi, kajian ini dilakukan untuk mengetahui hubungan pesakit AIDS dengan penagih dadah supaya dapat membendung peningkatan bilangan pesakit AIDS dan penagih dadah pada masa yang akan datang.

Oleh itu kajian ini dijalankan untuk mengkaji trend pesakit AIDS dengan penagih dadah mengikut jantina dan negeri dari tahun 2016 hingga tahun 2021. Selain itu, kajian juga akan mengenal pasti kolerasi antara pesakit AIDS dengan penagih dadah mengikut jantina dan negeri dari tahun 2016 hingga tahun 2021.

Kajian Literatur

Terdapat beberapa kajian lepas yang dijalankan ke atas kajian kes terhadap penagih dadah dan kajian kes pesakit AIDS. Di negara kita, situasi penagih dadah ini adalah semakin kritikal dan perlu diambil perhatian agar tahap peningkatan penagih dadah ini boleh dibendung. Kajian-kajian lepas yang dijalankan ini dapat membuka mata rakyat Malaysia bahawa pengambilan dadah secara berleluasa dengan cara tertentu akan memberi kesan bukan sahaja kepada diri mereka bahkan ahli keluarga dan orang sekeliling. Penagihan dadah ini menjadi salah satu faktor penularan jangkitan HIV kepada orang lain. Lebih parah lagi, penyakit HIV adalah penyakit yang boleh membawa kepada kematian.

Perkara ini dapat dilihat melalui kajian yang dijalankan oleh Roshazad et al. (2018) bahawa seramai 2.3 juta individu telah menghidapi HIV dan 1.6 juta orang telah kehilangan nyawa pada tahun 2012. Hal ini menyebabkan jumlah kematian menjadi 36 juta kes di seluruh dunia (Ndubuka & Ehlers, 2011). Maka ini menunjukkan bahawa pada setiap hari seramai 6800 orang telah dijangkiti oleh HIV dan lebih 5700 orang yang mati kerana AIDS. Menurut UNICEF dan Kementerian Kesihatan Malaysia (2005), negara Malaysia telah jatuh pada tempat kelima paling pesat penyebaran epidemik AIDS di rantau Asia Timur dan Pasifik dengan kadar semasa HIV berganda setiap tahun. Sejak 1986, kes jangkita HIV telah mencapai 94,841 dan kes kematian berkaitan HIV/AIDS adalah sebanyak 14,986. Kajian Lim et al. (2010) menyatakan bahawa epidemik ini tertumpu kepada populasi dalam kalangan penagih dadah secara suntikan, pekerja seks wanita dan populasi transgender.

Fakta ini dapat diperkukuhkan lagi melalui kajian Sarasuphadi et al. (2018) bahawa Malaysia merupakan satu dari pada sepuluh negara yang menyumbang lebih 95% daripada semua jangkitan baru HIV di rantau Asia Pasifik. Sejak tahun 1985 hingga tahun 2015, sebanyak 92,895 daripada masyarakat Malaysia menghidap penyakit HIV/AIDS dan 86% daripadanya adalah golongan lelaki. Sebanyak 8% iaitu 8,461 lelaki dan perempuan dari kaum India menghidap penyakit ini.

Hal ini menunjukkan bahawa penagih HIV ini mula menular dalam kalangan wanita. Menurut kajian yang dilakukan oleh Mashrom dan Rahimah (2015), pada 1986 penyakit ini dikesan hanya dalam kalangan lelaki sahaja. Kini, penyakit ini telah menular dalam kalangan wanita dan peratusannya telah melebihi golongan lelaki. Jangkitan HIV/AIDS dalam golongan wanita bukan sahaja terdiri daripada golongan yang terlibat dalam kegiatan yang berisiko seperti penagih dadah dan pelacur tetapi juga dalam kalangan suri rumah dan remaja perempuan. Hal ini dikatakan terjadi kerana faktor biologi, kedudukan sosial, nilai-nilai budaya tentang peranan dan tingkah laku seseorang individu. Pesakit HIV/AIDS tidak seperti penghidap penyakit lain yang dapat perhatian dan simpati dari orang sekeliling. Mereka sering kali dipandang serong dan hina oleh masyarakat Malaysia kerana dianggap telah terlibat dalam kegiatan tidak bermoral seperti sering melakukan amalan seks rambang. Penghidap HIV/AIDS dari kalangan wanita yang tidak terlibat dalam kegiatan berisiko seperti pelacuran, seks bebas dan penagihan dadah terjadi apabila mereka tidak mempunyai hak untuk bersuara dan membuat keputusan seperti memilih pasangan hidup. Mereka yang datangnya dari kalangan masyarakat yang masih

mengamalkan sistem patriaki akan ditentukan pasangan hidupnya oleh ahli keluarga lelaki. Ini menyebabkan sebahagian daripada mereka terpaksa berkahwin dengan lelaki yang bermoral rendah seperti penagih dadah dan lelaki yang pernah melanggni pelacur serta suka menukarkan pasangan seks. Selain itu, kebanyakan daripada wanita yang menghidap HIV/AIDS ini tidak mempunyai peluang sosial yang lain seperti pekerjaan yang baik, pendidikan tinggi, pendapatan dan kekayaan menyebabkan mereka tidak mempunyai hak untuk membuat keputusan dalam menentukan pasangan hidup mereka.

Kajian Fauziah et al. (2014) juga telah menyentuh perihal penglibatan wanita dalam penagihan dadah yang telah membawa impak buruk dalam masalah sosial lain terutamanya dalam kehancuran rumahtangga tetapi juga boleh membawa kepada risiko jangkitan HIV/AIDS yang masih tiada ubatnya. Wanita yang menagih dadah dianggap tidak berguna apatah lagi jika mereka menghidap penyakit HIV/AIDS ini. Ini kerana wanita memainkan peranan penting dalam penjagaan anak-anak dan pembentukan keluarga sejahtera. Pengambilan dadah menyebabkan hilangnya pertimbangan akal yang waras selain daripada mengganggu sistem saraf serta melambatkan gerak balas anggota. Mereka yang terlibat dalam penagihan dadah ini dan yang telah berkeluarga cenderung mengabaikan keperluan anak-anak demi memuaskan kehendak mereka. Ini akan menyebabkan berlakunya kehancuran rumahtangga dan membawa kepada penceraiian.

Maka, kajian Hassan (2017) ini membuktikan bahawa permulaan kepada epidemik infeksi HIV ini terjadi apabila berlakunya perubahan tingkah laku pengguna dadah daripada menghisap dadah kepada menyuntik menggunakan jarum. Suntikan dadah ini merupakan cara penyebaran HIV dalam komuniti IDU di Malaysia. Hal ini berpunca daripada tekanan rakan sebaya, peningkatan harga heroin, pengurangan ketulenan heroin di pasaran dan keinginan meningkatkan perasaan kekusyukkan (Reid, Kamarulzaman & Sran, 2005).

Metodologi

Kajian ini menganalisis data menggunakan data penagih dadah dan pesakit AIDS mengikut jantina dan negeri bagi tahun 2016 sehingga tahun 2021. Data-data yang digunakan ini merupakan data sekunder yang diperoleh melalui pelbagai sumber. Sumber data yang terlibat adalah daripada Portal Data Terbuka, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (MaNIS), Malaysia Youth Data Bank System, Agensi Anti-Dadah Kebangsaan (AADK) dan Jabatan Perangkaan Malaysia. Setelah memperolehi kesemua data yang diperlukan, data-data tersebut di masukkan ke dalam perisian Microsoft Excel supaya dapat memudahkan proses analisis dijalankan.

Analisis pertama dijalankan ke atas data pesakit AIDS dengan penagih dadah bagi golongan lelaki pada tahun 2016 sehingga 2021. Graf bagi data pesakit AIDS bagi lelaki mengikut tahun diplot. Seterusnya, graf penagih dadah bagi lelaki mengikut tahun diplot. Kemudian, kedua-dua graf yang diplot tersebut digabungkan bagi mendapatkan trend dan perbandingan antara tahun bagi data golongan lelaki dapat dianalisis. Analisis ke data pesakit AIDS dengan penagih dadah bagi golongan perempuan pada tahun 2016-2021 juga turut menggunakan kaedah yang sama seperti mana analisis data bagi golongan lelaki dijalankan.

Seterusnya, analisis terhadap pesakit AIDS dengan penagih dadah mengikut negeri dari tahun 2016 hingga 2021 dijalankan. Bagi analisis ini pula, data penagih dadah dan pesakit AIDS mengikut negeri diisi ke dalam Microsoft Excel dalam bentuk jadual bagi memudahkan proses

penghasilan graf dihasilkan. Analisis pertama bagi data ini dijalankan dengan menghasilkan graf penagih dadah mengikut negeri pada tahun 2016. Kemudian, graf pesakit AIDS mengikut negeri tahun 2016 pula diplotkan. Seterusnya, kedua-dua graf ini digabungkan bagi membolehkan analisis terhadap trend pesakit AIDS dengan penagih dadah mengikut negeri diperoleh dan perbandingan data antara negeri dapat diteliti. Seterusnya, kaedah ini diteruskan bagi tahun 2017, diikuti tahun 2018, 2019, 2020 dan akhirnya 2021.

Sumber Data

Data-data diambil daripada pelbagai jenis platform bagi memastikan data memenuhi objektif pertama kajian iaitu mengkaji trend pesakit AIDS dengan penagih dadah mengikut jantina dan negeri dari tahun 2016 hingga 2021. Antara sumber data adalah:

1. Set data bagi pesakit AIDS mengikut jantina dan negeri dari tahun 2018 hingga 2021 diambil dari Portal Data Terbuka
2. Set data bagi pesakit AIDS mengikut jantina dari tahun 2016 hingga tahun 2021 diambil daripada laman sesawang Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (MaNIS).
3. Set data bagi pesakit AIDS mengikut mengikut negeri dari tahun 2016 hingga tahun 2017 diambil daripada laman sesawang *Malaysia Youth Data Bank System*.
4. Set data bagi penagih dadah mengikut jantina dan negeri dari tahun 2016 hingga tahun 2020 diambil daripada Agensi Anti-Dadah Kebangsaan (AADK).
5. Set data bagi penagih dadah mengikut jantina dari tahun 2016 hingga tahun 2021 diambil daripada Jabatan Perangkaan Malaysia.
6. Set data bagi penagih dadah mengikut negeri pada tahun 2021 diambil daripada Penerbitan Statistik Kementerian Dalam Negeri.

Pengumpulan Data

Kaedah pengumpulan data terdiri daripada data sekunder. Pengkaji mengumpulkan data sekunder ini daripada beberapa rujukan kepada data terbuka seperti dinyatakan di atas dan dalam Jadual 1 menunjukkan bilangan pesakit aids dan penagih dadah mengikut jantina dari tahun 2016 hingga tahun 2021. Sepanjang tempoh 2016 hingga 2020, bilangan pesakit AIDS dan penagih dadah mengikut jantina menunjukkan pola fluktuasi. Bagi pesakit AIDS, jumlah lelaki yang terlibat cenderung lebih tinggi berbanding perempuan, dengan puncak pada tahun 2017 (1,103 lelaki) dan penurunan ketara pada 2018 (814 lelaki). Bagi perempuan, jumlah pesakit AIDS tertinggi dicatatkan pada 2016 (191), sebelum mengalami penurunan berterusan sehingga 2020. Dalam kategori penagih dadah, lelaki juga mencatatkan bilangan yang jauh lebih tinggi daripada perempuan, dengan penurunan terbesar pada 2020 (19,669 lelaki) berbanding puncak pada 2016 (29,660 lelaki). Walaupun jumlah penagih perempuan lebih rendah, pola yang serupa dengan lelaki dapat dilihat, di mana terdapat penurunan dari 2016 hingga 2020, dengan sedikit peningkatan pada 2019. Secara keseluruhannya, lelaki menunjukkan jumlah yang lebih tinggi berbanding perempuan dalam kedua-dua kategori sepanjang tempoh ini.

Jadual 1: Bilangan Pesakit AIDS Dan Penagih Dadah Mengikut Jantina Dari Tahun 2016 Hingga Tahun 2021

Tahun	AIDS		Dadah	
	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan
2016	1031	191	29660	1184
2017	1103	186	24926	996
2018	814	105	24314	953
2019	1004	118	24949	1131
2020	922	116	19669	974
2021	785	93	17268	937

Sumber: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (MaNIS) & Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 2 pula menunjukkan bilangan pesakit aids mengikut negeri dari tahun 2016 hingga tahun 2021. Sepanjang tempoh 2016 hingga 2021, data bilangan pesakit AIDS menunjukkan variasi ketara mengikut negeri di Malaysia, dengan beberapa negeri mencatatkan peningkatan mendadak pada tahun 2019 sebelum mengalami penurunan pada tahun-tahun berikutnya. Johor, sebagai contoh, mencatatkan lonjakan kes yang ketara pada tahun 2019 dengan 338 kes, namun angka ini menurun kepada 190 kes pada tahun 2021. Kedah dan Perak juga menunjukkan peningkatan kes pada tahun 2019 dengan masing-masing 177 dan 163 kes, diikuti dengan penurunan yang signifikan pada tahun-tahun berikutnya. Negeri-negeri seperti Kelantan dan Melaka mencatatkan trend menurun sepanjang tempoh ini, dengan Kelantan mengalami penurunan konsisten dari 161 kes pada tahun 2016 kepada 27 kes pada tahun 2021, manakala Melaka menunjukkan pengurangan dari lebih 100 kes pada tahun 2017 dan 2018 kepada 59 kes pada tahun 2021. Selangor dan Sarawak mencatatkan bilangan kes tertinggi pada tahun 2019, dengan Selangor mencatatkan puncak 1082 kes, tetapi kedua-dua negeri ini juga menunjukkan penurunan yang ketara dalam dua tahun berikutnya. Negeri-negeri lain seperti Negeri Sembilan, Pahang, Sabah, dan WP Kuala Lumpur turut memperlihatkan pola yang serupa, di mana peningkatan pada tahun 2019 diikuti dengan penurunan yang berterusan. Di sisi lain, Perlis dan WP Labuan kekal dengan bilangan kes yang sangat rendah sepanjang tempoh ini, menunjukkan isu AIDS lebih terkawal di negeri-negeri tersebut. Secara keseluruhan, pola ini mencerminkan turun naik yang dinamik dalam bilangan kes AIDS, di mana beberapa negeri mengalami lonjakan sementara pada tahun 2019 sebelum kembali menurun, menunjukkan keberkesanan mungkin usaha pencegahan dan rawatan yang diperkuatkan selepas tahun tersebut.

Jadual 2: Bilangan Pesakit AIDS Mengikut Negeri Dari Tahun 2016 Hingga Tahun 2021

Negeri	AIDS					
	2016	2017	2018	2019	2020	2021
Johor	156	178	114	338	210	190
Kedah	54	40	43	177	48	35
Kelantan	161	49	49	107	48	27
Melaka	33	112	100	114	66	59
Negeri Sembilan	35	29	23	126	21	22
Pahang	108	104	37	109	42	46

Perak	77	50	42	163	91	96
Perlis	21	6	5	17	9	9
Pulau Pinang	26	17	12	290	15	14
Sabah	125	116	65	223	87	55
Sarawak	137	167	147	290	125	96
Selangor	105	112	123	1082	120	115
Terengganu	81	57	49	65	34	21
WP Kuala Lumpur	102	154	110	448	121	93
WP Labuan	1	3	0	15	1	0

Sumber: *Malaysia Youth Data Bank System & Portal Data Terbuka*

Jadual 3 seterusnya menunjukkan bilangan penagih dadah mengikut negeri dari tahun 2016 hingga tahun 2021. Berdasarkan data yang diberikan, terdapat beberapa trend dan pola yang dapat diperhatikan.

Secara keseluruhan, negeri-negeri seperti Johor, Kedah, dan Kelantan menunjukkan angka penagihan dadah yang tinggi sepanjang tempoh ini. Walau bagaimanapun, terdapat penurunan dalam jumlah penagih di beberapa negeri. Sebagai contoh, di Johor, bilangan penagih menunjukkan sedikit turun naik dengan jumlah tertinggi direkodkan pada tahun 2020, iaitu 2564, sebelum menurun kepada 2081 pada tahun 2021. Negeri Kedah pula, yang merekodkan bilangan penagih tertinggi pada tahun 2016 dengan 3862 penagih, turut menyaksikan penurunan ketara kepada 2196 pada tahun 2021. Kelantan menunjukkan peningkatan penagih dari tahun 2016 hingga 2018, namun mengalami penurunan pada tahun-tahun berikutnya.

Bagi negeri-negeri lain seperti Pulau Pinang, bilangan penagih dadah juga mengalami penurunan yang ketara dari 5081 pada tahun 2016 kepada 1358 pada tahun 2021. Negeri-negeri seperti Melaka, Negeri Sembilan, dan Perlis menunjukkan jumlah penagih yang lebih rendah secara keseluruhan dan juga menunjukkan penurunan dalam tempoh yang sama.

Sebaliknya, negeri seperti Terengganu menunjukkan peningkatan bilangan penagih dari 1676 pada tahun 2016 kepada 2240 pada tahun 2020, sebelum menurun sedikit kepada 2033 pada tahun 2021. Sarawak pula menunjukkan peningkatan dari 534 pada tahun 2016 kepada 712 pada tahun 2021.

Secara keseluruhan, data ini menunjukkan bahawa walaupun terdapat negeri yang berjaya mengurangkan bilangan penagih dadah, masih terdapat beberapa negeri yang menghadapi cabaran dalam menangani masalah penagihan dadah dengan bilangan yang tetap tinggi atau mengalami turun naik sepanjang tempoh ini.

Jadual 3: Bilangan Penagih Dadah Mengikut Negeri Dari Tahun 2016 Hingga Tahun 2021

Negeri	Dadah					
	2016	2017	2018	2019	2020	2021
Johor	2565	2108	2352	2371	2564	2081
Kedah	3862	2655	2693	3582	2372	2196
Kelantan	3233	3700	4153	2998	2271	2167
Melaka	930	613	736	819	829	539

Negeri Sembilan	1172	1012	1374	1244	812	709
Pahang	2419	2088	1749	1672	1395	977
Perak	2639	1557	1820	2046	1821	1637
Perlis	692	654	582	316	281	213
Pulau Pinang	5081	3844	2303	2893	1727	1358
Sabah	1044	1047	1200	1574	834	644
Sarawak	534	440	693	852	634	712
Selangor	3176	2375	2228	2385	1712	1963
Terengganu	1676	2044	2057	2123	2240	2033
WP Kuala Lumpur	1695	1655	1223	1023	1024	857
WP Labuan	79	92	72	139	90	48

Sumber: Agensi Anti-Dadah Kebangsaan & Penerbitan Statistik Kementerian Dalam Negeri


Data bilangan pesakit AIDS dan penagih dadah dari tahun 2016 hingga 2021 memberikan maksud yang mendalam tentang bagaimana kedua-dua isu ini saling berkait. Di Johor, walaupun bilangan penagih dadah menunjukkan kestabilan dengan sedikit kenaikan pada tahun 2020, bilangan kes AIDS mengalami fluktuasi besar, termasuk lonjakan ketara pada tahun 2019. Ini mungkin menandakan peningkatan jangkitan HIV di kalangan penagih dadah, meskipun faktor-faktor lain mungkin turut mempengaruhi.

Di Kedah, penurunan bilangan penagih dadah yang konsisten dari 2016 hingga 2021 tidak diikuti dengan penurunan kes AIDS; sebaliknya, terdapat lonjakan mendadak pada tahun 2019. Fenomena ini mungkin menunjukkan terdapat jangkitan yang tidak dikesan lebih awal atau kelewatan dalam diagnosis AIDS. Kelantan, sebaliknya, menunjukkan penurunan yang selari dalam bilangan penagih dadah dan kes AIDS dari tahun 2018 hingga 2021, mungkin mencerminkan keberkesanan program pencegahan HIV yang dilaksanakan.

Negeri-negeri seperti Melaka, Negeri Sembilan, dan Pahang menunjukkan penurunan dalam kedua-dua bilangan penagih dadah dan kes AIDS, yang mungkin menandakan kejayaan dasar dan intervensi kesihatan awam yang dilakukan. Di Pulau Pinang dan Selangor, walaupun bilangan penagih dadah menurun, kes AIDS melonjak pada tahun 2019. Ini mungkin disebabkan oleh peningkatan kesedaran dan pengujian HIV/AIDS atau faktor risiko tambahan yang mempengaruhi penularan HIV.


Sarawak dan WP Kuala Lumpur juga menunjukkan peningkatan kes AIDS pada tahun 2019 walaupun penurunan dalam penagihan dadah, mungkin risiko jangkitan HIV masih tinggi dalam populasi tertentu. Di WP Labuan, dengan angka yang sangat rendah untuk kedua-dua isu, menunjukkan risiko mungkin lebih terkawal di sana, tetapi data lanjut mungkin diperlukan untuk pengesahan. Secara keseluruhannya, walaupun terdapat kemungkinan korelasi antara penagihan dadah dan kes AIDS, faktor lain seperti kesedaran, pengujian, dan intervensi kesihatan awam memainkan peranan penting. Penurunan dalam penagihan dadah tidak semestinya bermakna penurunan dalam kes AIDS, menekankan perlunya tindakan berterusan untuk menangani kedua-dua masalah ini secara bersamaan.

Hasil Analisis



Rajah 1: Trend Pesakit AIDS Dengan Penagih Dadah Dalam Golongan Lelaki Dari Tahun 2016 Hingga Tahun 2021

Rajah 1 menunjukkan trend pesakit AIDS dan penagih dadah di kalangan lelaki dari tahun 2016 hingga 2021. Analisis daripada rajah tersebut menunjukkan bahawa bilangan penagih dadah lelaki sentiasa lebih tinggi berbanding bilangan lelaki yang menghidap AIDS sepanjang tempoh yang dikaji. Pada tahun 2016, jumlah penagih dadah lelaki adalah yang tertinggi, mencapai sebanyak 29,660 orang, menunjukkan kadar penagihan dadah yang tinggi pada tahun tersebut. Sebaliknya, bilangan pesakit AIDS lelaki mencapai puncaknya pada tahun 2017 dengan 1,103 orang, menunjukkan jumlah pesakit AIDS yang paling banyak pada tahun itu. Menjelang tahun 2021, kedua-dua bilangan pesakit AIDS dan penagih dadah lelaki menunjukkan penurunan yang ketara. Pada tahun 2021, bilangan pesakit AIDS lelaki adalah yang terendah dalam tempoh tersebut, iaitu 785 orang, manakala jumlah penagih dadah lelaki juga menurun kepada 17,268 orang. Penurunan ini mungkin mencerminkan perubahan dalam pola penggunaan dadah atau peningkatan dalam usaha pencegahan dan rawatan AIDS. Secara keseluruhan, rajah ini menggariskan perbezaan yang jelas antara jumlah penagih dadah dan pesakit AIDS di kalangan lelaki, serta menunjukkan trend penurunan dalam kedua-dua kategori menjelang tahun 2021.



Rajah 2: Trend Pesakit AIDS Dan Penagih Dadah Dalam Golongan Perempuan Dari Tahun 2016 Hingga Tahun 2021

Rajah 2 memberikan gambaran jelas tentang trend bilangan pesakit AIDS dan penagih dadah dalam kalangan wanita dari tahun 2016 hingga 2021. Berdasarkan rajah tersebut, dapat dilihat bahawa jumlah penagih dadah wanita sentiasa lebih tinggi berbanding bilangan pesakit AIDS sepanjang tempoh yang ditunjukkan. Pada tahun 2016, bilangan wanita yang menghidap AIDS adalah yang tertinggi, mencapai 191 orang, manakala jumlah wanita penagih dadah pula paling tinggi pada tahun yang sama, iaitu 1,184 orang. Ini menunjukkan tahun 2016 sebagai tempoh di mana terdapat kombinasi kes tinggi bagi kedua-dua kategori tersebut. Sebaliknya, pada tahun 2021, bilangan wanita yang menghidap AIDS dan penagih dadah menunjukkan penurunan yang ketara. Bilangan wanita yang menghidap AIDS turun kepada 93 orang, manakala penagih dadah wanita berjumlah 937 orang. Penurunan ini mungkin mencerminkan perubahan dalam trend penggunaan dadah atau keberkesanan program pencegahan dan rawatan yang dilaksanakan dalam tempoh tersebut. Penurunan dalam kedua-dua kategori ini menunjukkan perubahan dalam corak penagihan dadah dan pengurusan penyakit AIDS di kalangan wanita dari tahun 2016 hingga 2021.


Jadual 4: Korelasi Antara Pesakit AIDS Dengan Penagih Dadah Mengikut Jantina Dari Tahun 2016 Hingga Tahun 2021

Jantina	Korelasi
Lelaki	0.65911752
Perempuan	0.56971059

Berdasarkan Jadual 4, terdapat hubungan positif yang signifikan antara bilangan pesakit AIDS dan penagih dadah mengikut jantina dari tahun 2016 hingga 2021. Nilai korelasi, yang diukur dengan r , berada dalam julat 0.5 hingga 1.0. Dalam statistik, nilai korelasi (r) menunjukkan kekuatan dan arah hubungan antara dua pembolehubah. Julat $0.5 < r < 1$ menunjukkan hubungan yang kuat dan positif. Ini bermaksud apabila bilangan penagih dadah meningkat, bilangan pesakit AIDS juga cenderung meningkat, dan sebaliknya.


Jadi, dalam konteks ini, data menunjukkan bahawa terdapat hubungan erat antara penagihan dadah dan penyebaran AIDS. Korelasi positif yang kuat ini menunjukkan bahawa peningkatan

dalam bilangan penagih dadah mungkin menyebabkan peningkatan dalam bilangan pesakit AIDS, dan sebaliknya. Dengan kata lain, jumlah penagih dadah berpotensi mempengaruhi jumlah kes AIDS, menggariskan pentingnya menangani isu penagihan dadah sebagai sebahagian daripada strategi pencegahan HIV/AIDS.




Rajah 3: Trend Pesakit AIDS Dan Penagih Dadah Mengikut Negeri Pada Tahun 2016

Rajah 3 menunjukkan perbandingan antara bilangan pesakit AIDS dan penagih dadah mengikut negeri untuk tahun 2016. Analisis daripada rajah ini menunjukkan bahawa bilangan penagih dadah secara umum adalah lebih tinggi berbanding pesakit AIDS di setiap negeri. Sebagai contoh, Pulau Pinang mencatatkan jumlah penagih dadah yang tertinggi, iaitu sebanyak 5,081 orang, menunjukkan prevalensi ketagihan dadah yang sangat tinggi di negeri tersebut. Sebaliknya, Kelantan mencatatkan bilangan pesakit AIDS yang paling tinggi di negara, dengan jumlah sebanyak 161 orang, yang menandakan bahawa Kelantan mempunyai beban kes AIDS yang paling besar pada tahun 2016. Selain itu, rajah ini juga menunjukkan bahawa Labuan mempunyai bilangan pesakit AIDS dan penagih dadah yang paling rendah berbanding negeri-negeri lain. Ini mungkin mencerminkan bahawa Labuan mengalami kadar penagihan dadah dan jangkitan HIV/AIDS yang lebih rendah, berbanding negeri-negeri lain yang mempunyai angka lebih tinggi. Oleh itu, rajah ini memberikan gambaran penting tentang perbezaan antara trend penagihan dadah dan kes AIDS, dan menekankan negeri-negeri yang mengalami masalah lebih ketara dalam konteks ini.




Rajah 4: Trend Pesakit AIDS Dan Penagih Dadah Mengikut Negeri Pada Tahun 2017

Rajah 4 menunjukkan trend pesakit AIDS dengan penagih dadah mengikut negeri dalam tahun 2017. Berdasarkan rajah tersebut, bilangan penagih dadah lebih tinggi berbanding pesakit AIDS. Negeri yang mempunyai pesakit AIDS paling tinggi adalah Johor iaitu sebanyak 178 orang manakala negeri yang mempunyai bilangan penagih dadah paling tinggi adalah Pulau Pinang iaitu sebanyak 3,844 orang. Selain itu, Labuan mencatat angka paling rendah bagi bilangan pesakit AIDS dengan penagih dadah.




Rajah 5: Trend Pesakit AIDS Dan Penagih Dadah Mengikut Negeri Pada Tahun 2018

Rajah 5 menunjukkan trend pesakit AIDS dengan penagih dadah mengikut negeri dalam tahun 2018. Berdasarkan rajah tersebut, bilangan penagih dadah lebih tinggi berbanding pesakit AIDS. Negeri yang mempunyai pesakit AIDS paling tinggi adalah Sarawak iaitu sebanyak 147 orang manakala negeri yang mempunyai bilangan penagih dadah paling tinggi adalah Kelantan iaitu sebanyak 4,153 orang. Selain itu, Labuan mencatat angka paling rendah bagi bilangan pesakit AIDS dengan penagih dadah.




Rajah 6: Trend Pesakit AIDS Dan Penagih Dadah Mengikut Negeri Pada Tahun 2019

Rajah 6 menunjukkan trend pesakit AIDS dengan penagih dadah mengikut negeri dalam tahun 2019. Berdasarkan rajah tersebut, bilangan penagih dadah lebih tinggi berbanding pesakit AIDS. Negeri yang mempunyai pesakit AIDS paling tinggi adalah Selangor iaitu sebanyak 1,082 orang manakala negeri yang mempunyai bilangan penagih dadah paling tinggi adalah Kedah iaitu sebanyak 3,582 orang. Selain itu, Labuan mencatat angka paling rendah bagi bilangan pesakit AIDS dengan penagih dadah.



Rajah 7: Trend Pesakit AIDS Dan Penagih Dadah Mengikut Negeri Pada Tahun 2020

Rajah 7 menunjukkan trend pesakit AIDS dengan penagih dadah mengikut negeri dalam tahun 2020. Berdasarkan rajah tersebut, bilangan penagih dadah lebih tinggi berbanding pesakit AIDS. Johor merupakan negeri yang mempunyai bilangan pesakit AIDS dengan penagih dadah yang paling tinggi iaitu masing-masing 210 orang dan 2,564 orang. Selain itu, Labuan mencatat angka paling rendah bagi bilangan pesakit AIDS dengan penagih dadah.



Rajah 8: Trend Pesakit AIDS Dan Penagih Dadah Mengikut Negeri Pada Tahun 2021

Rajah 8 menunjukkan trend pesakit AIDS dengan penagih dadah mengikut negeri dalam tahun 2021. Berdasarkan rajah tersebut, bilangan penagih dadah lebih tinggi berbanding pesakit AIDS. Negeri yang mempunyai pesakit AIDS paling tinggi adalah Johor iaitu sebanyak 190 orang manakala negeri yang mempunyai bilangan penagih dadah paling tinggi adalah Kedah iaitu sebanyak 2,178 orang. Selain itu, Labuan mencatat angka paling rendah bagi bilangan pesakit AIDS dengan penagih dadah.

Jadual 5: Korelasi Pesakit AIDS Dengan Penagih Dadah Mengikut Negeri Dari Tahun 2016 Hingga Tahun 2021

Tahun	Korelasi
2016	0.1483596
2017	-0.110702
2018	0.0112714
2019	0.2560421
2020	0.3432128
2021	0.3595697

Berdasarkan Jadual 5, analisis korelasi antara bilangan pesakit AIDS dan penagih dadah mengikut negeri menunjukkan hasil yang bervariasi dari tahun ke tahun. Untuk tahun 2016, 2018 hingga 2021, korelasi antara bilangan pesakit AIDS dan penagih dadah adalah positif, yang bermaksud bahawa terdapat hubungan di mana peningkatan bilangan penagih dadah cenderung dikaitkan dengan peningkatan bilangan pesakit AIDS dalam tempoh tersebut. Ini menunjukkan bahawa dalam tempoh tersebut, negeri-negeri dengan lebih ramai penagih dadah cenderung mengalami lebih banyak kes AIDS.

Namun, pada tahun 2017, korelasi ini adalah negatif, yang menunjukkan bahawa dalam tahun tersebut, negeri-negeri dengan bilangan penagih dadah yang lebih tinggi tidak semestinya mempunyai bilangan kes AIDS yang lebih tinggi. Sebaliknya, bilangan penagih dadah

mungkin tidak mempengaruhi bilangan pesakit AIDS pada tahun tersebut atau mungkin terdapat faktor lain yang memainkan peranan yang lebih dominan.

Secara keseluruhan, korelasi antara bilangan pesakit AIDS dan penagih dadah dari tahun 2016 hingga 2021 berada dalam julat $-0.1 < r < 0.4$. Ini menunjukkan bahawa hubungan antara kedua-dua variabel tersebut adalah lemah. Dengan kata lain, walaupun terdapat beberapa hubungan antara jumlah penagih dadah dan bilangan pesakit AIDS, kekuatan hubungan ini tidak terlalu kuat. Ini membuktikan bahawa bilangan penagih dadah mungkin mempunyai pengaruh terhadap bilangan pesakit AIDS, tetapi ia bukan satu-satunya faktor yang menentukan. Faktor-faktor lain seperti program pencegahan, kesedaran, dan intervensi kesihatan awam juga mungkin mempengaruhi jumlah kes AIDS secara signifikan.

Penemuan Kajian

Melalui analisis yang dijalankan, jumlah penagih dadah menunjukkan nilai tertinggi pada tahun 2016. Namun telah menunjukkan pengurangan yang drastik pada tahun selepasnya iaitu tahun 2017. Hal ini dapat dibuktikan berdasarkan berita yang dikeluarkan pada tahun 2016 bahawa Polis Diraja Malaysia telah berjaya merampas dadah yang mempunyai nilai keseluruhan RM 189.85 juta yang membabitkan kes sepanjang Januari sehingga Disember di seluruh negara. Nilai wang yang dirampas itu termasuklah 5, 563.8 kg pelbagai jenis dadah, 2,996, 529 biji pil, 285, 793.03-liter cecair pelbagai jenis dadah, 46,339.59 kg daun ketum dan 25 pokok ganja. Pasukan Khas Taktikal dan Perisikan Narkotik (STING) pula menahan seramai 200,586 pesalah atas berbagai kesalahan dadah dan 26 makmal haram berjaya dibongkar.

Tambahan lagi, menerusi akhbar Berita Harian pada tanggal 12 April 2016, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi mengisytiharkan bahawa 2016 merupakan tahun perang dadah secara besar-besaran di seluruh negara. STING sentiasa memberikan khidmat bantuan kepada PDRM dan AADK dalam meneruskan Ops Sarang di mana operasi tersebut dijalankan bermula dari awal 4 pagi sehingga pukul 1 pagi. Hasil daripada operasi tersebut, pihak terlibat telah membersihkan kawasan penagihan dadah menjadi kawasan putih. Oleh itu, kesan daripada kesemua usaha ini dapat dilihat pada tahun yang seterusnya iaitu 2017.

Seterusnya, analisis kajian ke atas trend penagih dadah menunjukkan penurunan dari tahun 2016 sehingga 2021. Berdasarkan akhbar Utusan Malaysia tanggal 26 Oktober 2021, terdapat operasi berterusan dijalankan oleh jabatan berkaitan dalam menangani aktiviti penyalahgunaan dadah di ibu kota bagi tahun 2019, 2020 dan 2021 di mana operasi ini memberikan impak yang amat berkesan terhadap penurunan penagih dadah bagi tempoh ini. Melalui kajian ini, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menunjukkan penurunan yang berterusan. Dalam tempoh yang sama, seramai 16,949 individu terbabit dalam rampasan dadah bernilai RM29 juta pada 2019 manakala seramai 11,224 orang ditahan dengan nilai RM149 juta dadah telah dirampas pada tahun 2020. Dalam masa yang sama Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) juga melupuskan 776 kg dan 372 liter dadah pelbagai jenis bernilai lebih RM 39.36 juta yang dirampas dari tahun 2008 sehingga tahun 2020.

Berdasarkan analisis dadah ke atas negeri, didapati bahawa Labuan menunjukkan statistik dadah yang paling rendah di antara kesemua negeri. Hal ini selaras dengan operasi yang dijalankan oleh Ketua Polis Labuan Superitendan Muhamad Farid Ahmad menyatakan bahawa beberapa buah kampung di Labuan dijadikan kampung angkat polis, di mana setiap kampung akan terdapat anggota polis yang bertanggungjawab dalam memerhatikan kegiatan penduduk

kampung masing-masing. Objektif utamanya ialah untuk membanteras operasi penyalahgunaan dadah pada setiap kampung. Maka dengan itu, kita dapat menyimpulkan bahawa Labuan menjadi negeri yang menunjukkan statistik penyalahgunaan dadah paling rendah kerana operasi yang dijalankan adalah sangat berstrategik dan efektif.

Bagi analisis penagih dadah ke atas jantina pula, dapat dilihat bahawa kedua-dua jantina menunjukkan statistik yang membimbangkan kerana kebiasaannya golongan lelaki sahaja yang sering terlibat dengan kes penagihan dadah ini, namun golongan wanita kini juga terlibat dengan kes ini. Walaubagaimanapun, berdasarkan analisis kajian ini, golongan lelaki masih menunjukkan statistik yang lebih tinggi berbanding golongan wanita. Hal ini demikian kerana Penyelidikan Dadah (NIDA) menyatakan bahawa lelaki lebih cenderung untuk mengambil barang terlarang ini kerana mereka lebih mudah untuk terpengaruh dengan kumpulan rakan sebaya mereka berbanding perempuan. Namun, NIDA menyatakan bahawa penggunaan dadah bagi lelaki dan perempuan berkemungkinan akan sama sahaja berterusan sehingga pada masa hadapan. Faktor golongan wanita terlibat dalam penagihan dadah ini adalah kerana berdasarkan kajian Perikatan Kebangsaan mengenai penyakit mental (*The National Alliance on Mental Illness*) menyatakan bahawa wanita cenderung untuk mendapat kemurungan berbanding golongan lelaki. Hal ini menyebabkan golongan wanita ini mengambil inisiatif untuk mengambil ubat penahan sakit preskripsi, ubat penenang dan alkohol.

Berdasarkan analisis pesakit AIDS pula, jumlah pesakit lelaki adalah lebih tinggi berbanding pesakit perempuan. Perkara ini dapat dibuktikan melalui berita Astro Awani 22 Mei 2022, di mana Dr Anita menyatakan bahawa sebanyak 90 peratus penghidap HIV di negara kita terdiri dari golongan lelaki. Beliau menyatakan perkara ini terjadi akibat penggunaan jarum untuk suntikan bagi penagihan dadah dan amalam seks tidak selamat terutama bagi golongan homoseksual. Tambahan lagi, Dr Anita menyatakan bahawa dari tahun 1986 hingga 2020, bilangan golongan perempuan yang terlibat dengan penyebaran penyakit HIV ini adalah rendah. Walau bagaimanapun, beliau menganggarkan jumlah sebenar bagi kes ini adalah lebih besar kerana masih terdapat pesakit yang malu untuk mendapatkan rawatan.

Berdasarkan analisis kajian yang dijalankan, hubungan antara pesakit AIDS dan penagih dadah mempunyai korelasi yang lemah bagi tahun 2016 sehingga tahun 2021. Hal ini dapat dibuktikan berdasarkan petikan kata-kata dari Dr Lee Boon Chye di Astro Awani yang menyatakan bahawa penyumbang besar bagi jangkitan HIV/AIDS yang berpunca daripada perkongsian jarum pada 2002 adalah sebanyak 70% seterusnya menurun kepada 48% pada tahun 2010. Oleh itu, ini menunjukkan bahawa golongan utama pesakit HIV adalah melalui suntikan (penagih dadah) namun pola korelasi ini menurun mengikut tahun.

Hal ini menunjukkan bahawa kementerian berjaya dalam menangani penyebaran HIV melalui suntikan jarum dengan baik. Namun, penyumbang besar bagi penyebaran HIV bagi tahun terdekat ini adalah daripada golongan yang terjangkit menerusi seks tanpa perlindungan. Faktor hubungan seksual menjadi punca utama bagi risiko jangkitan keseluruhan kerana menyebabkan hubungan seksual tanpa perlindungan dengan penghidap HIV positif, perkongsian jarum atau alat suntikan dengan penghidap HIV positif dan pemindahan darah atau organ yang tercemar dengan virus HIV.

Cabaran Kajian Penyelidikan Untuk Masa Hadapan

Berdasarkan penelitian kajian ini, terdapat beberapa cabaran atau permasalahan yang mungkin dihadapi dalam kajian tentang penyalahgunaan dadah dan penyakit HIV di masa depan. Antaranya, sumber data adalah terbatas kerana penelitian yang komprehensif tentang penyalahgunaan dadah dan penyakit HIV memerlukan sumber daya yang signifikan termasuklah dana, fasaliti dan tenaga pengkaji. Keterbatasan ini akan mengganggu kemampuan untuk meneruskan penelitian yang luas dan efektif. Seterusnya, pola penyalahgunaan dadah dan penyebaran HIV ini akan berubah dari waktu ke waktu dan bervariasi antara populasi dan wilayah. Penelitian yang berterusan perlu dijalankan bagi mengikuti perkembangan ini dan memperbarui strategi pencegahan dan intervensi yang relevan. Selain itu, stigma yang berkait dengan penyalahgunaan dadah dan HIV masih menjadi hambatan dalam mengatasi masalah ini. Orang-orang yang terlibat dalam penggunaan dadah atau menghadapi penyakit HIV ini sering menghadapi diskriminasi dan penolakan sosial, yang dapat mempengaruhi diri mereka supaya tidak melaporkan diri kepada pihak yang menjalankan penelitian dan akses mereka terhadap layanan yang diperlukan. Tambahan lagi, individu yang menghadapi penyakit HIV dan penyalahgunaan dadah sering kali menghadapi masalah kesihatan mental dan fizik yang kompleks. Mengintegrasikan perawatan dan penelitian dalam konteks ini dapat menjadi permasalahan dan tentangan yang rumit. Maka, dengan penelitian terhadap cabaran dan permasalahan yang mungkin dihadapi dalam kajian ini, tindakan dan strategi perlu dirancang agar kajian ini dapat diteruskan bagi dapat membantu mereka yang menghadapi ketagihan dadah dan penghidap penyakit HIV.

Kesimpulan

Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti hubungan antara pesakit AIDS dengan penagih dadah mengikut jantina dan negeri pada tahun 2016 hingga 2021. Berdasarkan hasil analisis yang telah dilakukan korelasi antara pesakit AIDS dengan penagih dadah mengikut jantina dari tahun 2016 hingga 2021 adalah kuat manakala korelasi antara pesakit AIDS dengan penagih dadah mengikut negeri dari tahun 2016 hingga 2021 adalah lemah. Daripada hasil analisis bagi kolerasi antara pesakit AIDS dengan penagih dadah, kita dapat simpulkan bahawa bilangan penagih dadah mempengaruhi bilangan pesakit AIDS. Walau bagaimanapun, melalui penemuan kajian yang telah dilakukan, beberapa tahun yang terdekat ini bilangan pesakit AIDS lebih banyak berpunca daripada gejala seks tidak selamat berbanding suntikan jarum (penagih dadah). Hal ini demikian kerana pada tahun 2016 Polis Diraja Malaysia telah berjaya merampas dadah yang mempunyai nilai keseluruhan RM 189.85 juta yang membabitkan kes sepanjang Januari sehingga Disember di seluruh negara. Selain itu juga, bermula tahun 2016 Pasukan Khas Taktikal dan Perisikan Narkotik (STING) telah bekerjasama dengan PDRM dengan AADK dalam meneruskan Ops Sarang. Operasi ini dijalankan untuk mengatasi peningkatan penagihan dadah dengan membersihkan kawasan penagihan dadah menjadi kawasan putih. Ini menyebabkan bilangan penagih dadah dari tahun 2016 hingga tahun 2021 menurun. Jadi, kita boleh simpulkan bahawa bilangan pesakit AIDS lebih banyak dipengaruhi oleh gejala seks tidak selamat berbanding suntikan jarum (penagih dadah).

Penghargaan

Kajian ini ditaja sepenuhnya oleh Tabung Agihan Penyelidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (TAP K-020093).

Rujukan

- Abd Razak, M.A. 2019. 77% pesakit HIV/AIDS Malaysia berumur 20-40 tahun, kebanyakannya seks tidak selamat. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/77-pesakit-hiv-aids-malaysia-berumur-antara-2040-tahun-kebanyakannya-seks-tidak-selamat-224211> [10 Julai 2023].
- Bernama. 2022. Sebanyak 90 peratus penghidap HIV/AIDS adalah lelaki. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/sebanyak-90-peratus-penghidap-hiv-aids-adalah-lelaki-362600> [10 Julai 2023].
- Fauziah, I. & Ezarina, Z. & Salina, N. & Norulhuda, S. & Nor Jana, S. 2014. Pengguna dadah wanita di Malaysia: Pengalaman penagihan dan hubungan kekeluargaan. *Jurnal Teknologi* 67(1): 17-25.
- Hassan, M. S. N. B. A. 2017. Pengetahuan dan tingkah laku Pengguna Dadah secara Suntikan (IDU) yang mengikuti Program Pertukaran Jarum dan Alat Suntikan (NSEP) di Pulau Pinang. Universiti Sains Malaysia.
- Kementerian Dalam Negeri. 2021. Penerbitan Statistik: 49-50.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. 2005. HIV AIDS in Malaysia. AIDS/STD Branch, Department of General Health.
- Li, L., & Liang, L., & Lin, Chunging., & Wu, Z., & Borus, M. J. 2010. HIV prevention intervention to reduce HIV-related stigma: evidence from China. *Journal of Acquired Immune Deficiency Syndrome* 24(1): 115-122.
- Mahani, I. 2019. Kes HIV meningkat akibat seks sesama jenis. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/77-pesakit-hiv-aids-malaysia-berumur-antara-2040-tahun-kebanyakannya-seks-tidak-selamat-224211> [10 Julai 2023].
- Mashrom, M. & Rahimah, A.A. 2015. Wanita dan HIV/AIDS di Malaysia: Punca jangkitan dari aspek sosiobudaya. *Online Malaysian Journal of Society and Space* 11(1): 73-86.
- Maszureen, H. 2021. Kes penyalahgunaan dadah di ibu negara menurun. <https://www.utusan.com.my/terkini/2021/10/kes-penyalahgunaan-dadah-di-ibu-negara-menurun/> [10 Julai 2023].
- Mstar. 2017. Rampasan dadah sepanjang 2016 bernilai RM189.5 juta. <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2017/01/05/rampasan-dadah-2016> [10 Julai 2023].
- Najwa Afiqa Roshaid, A. S. A., Haikal Anuar Adnan. 2018. Sokongan Sosial Bagi Penghidap HIV Positif di Malaysia. *Jurnal Psikologi Malaysia* 32: 25-34.
- Nurul Fhatihah, Z. 2016. 58,587 penagih dadah ditahan dalam tempoh 4 bulan. <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/11/2016/04/143115/58587-penagih-dadah-ditahan-dalam-tempoh-4-bulan> [10 Julai 2023]
- Reid, G. & Kamarulzaman, A, & Sran, S.K. 2005. Malaysia and harm reduction: The challenges and response. *International Journal of Drug Policy* 18(2007): 136-140.
- Sarasuphadi, M. & Kamal, S.F. & Raja Iskandar, S.R.A. & Ahmad Sabri, A.S. 2018. Faktor-faktor sosial yang mempengaruhi jangkitan HIV dalam kalangan lelaki berketurunan India HIV positif di Malaysia. *Akademika* 88(1):49-64.
- Tuan Buqhairah, T.M.A. 2023. Lebih sejuta rakyat Malaysia penagih dadah. <https://www.sinarharian.com.my/article/267445/berita/nasional/lebih-sejuta-rakyat-malaysia-penagih-dadah> [10 Julai 2023]
- Utusan Borneo. 2019. IPD Labuan mahu banteras dadah di lima kampung. <https://www.utusanborneo.com.my/2019/05/06/ipd-labuan-mahu-banteras-dadah-di-lima-kampung> [10 Julai 2023].

Wan Zairul, A.W.M.S. 2023. Angka penagih dadah 3 bulan pertama 2023 hampir sama dengan jumlah tahun lalu. <https://www.buletintv3.my/nasional/angka-penagih-dadah-3-bulan-pertama-2023-hampir-sama-jumlah-tahun-lalu/> [10 Julai 2023].

Zulkifli, M. 2023. 69,589 penghidap HIV di Malaysia. <https://www.kosmo.com.my/2023/03/02/69589-pengidap-hiv-di-malaysia/> [10 Julai 2023].